

## Pokok bunga loceng dipilih bunga rasmi Fakulti Sains.



**SERDANG, 22 Julai** – Pokok bunga loceng atau dikenali sebagai *Allamanda Carthica* dipilih sebagai bunga rasmi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Dekan Fakulti Sains, Prof. Dr. Sidek Ab. Aziz berkata bunga itu mempunyai lima kelopak mewakili lima jabatan Fakulti selain sifatnya yang memanjat sesuai dengan tema fakulti iaitu melonjak menuju ke puncak.



“Sebanyak 36 anak pokok ditanam melalui operasi Mega 5S iaitu sisih, susun, seragam, sapu dan sentiasa amal.

“Jumlah pokok bunga itu adalah simbolik kepada 36 tahun Fakulti Sains bertapak di UPM dan pokok itu akan menjadi daya tarikan kepada graduan fakulti untuk bergambar sebagai tanda kenangan.



Beliau berharap program yang dianjurkan oleh kelab Briged 5S Fakulti Sains memberi sokongan kepada kempen 'Green Metric Inisiative' ke arah kampus hijau dengan mengiatkan program penanaman pokok pada masa hadapan.



**Berita ditulis oleh Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MARCOMM) (Mohd Faisal Md Noor 03-8946187), Gambar disumbangkan oleh Unit Foto MARCOMM, Mohd Hasrul Hamdan, 03-8946 8984).**